

DBKL tutup 4 premis dikendali warga asing

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kelmarin menutup empat premis perniagaan dikendalikan warga asing yang melanggar peraturan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Dalam kenyataan dalam Facebooknya, penutupan premis itu dilaksanakan mengikut Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 membabitkan kedai runcit atau serbaneka yang dijalankan warga asing.

“Operasi itu dijalankan di Jalan Jejaka 7, Jalan Jejaka 9, Jalan Perkasa 1 dan Jalan Mahkota, Taman Maluri, Cheras.

“Seramai 21 anggota Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa terbabit dalam operasi penutupan premis di kawasan dalam Parlimen Titiwangsa itu.

“DBKL turut menyita barangan perniagaan di premis terbabit dan dibawa ke Stor Rampasan DBKL di Jalan Lombong, Cheras,” katanya di Facebook, semalam.

Katanya, tindakan terhadap aktiviti perniagaan warga asing ini akan diteruskan DBKL dari semasa ke semasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Warga kota disaran terus memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat mengenai aktiviti ini pada laman sesawang adu@kl.dbkl.gov.my,” katanya.

Sementara itu, di Wangsa Maju, DBKL mengambil tindakan terhadap 10 pemilik gerai termasuk tiga daripadanya di-



Pegawai penguat kuasa DBKL dalam operasi tindakan penutupan premis perniagaan dijalankan warga asing yang melanggar peraturan di Taman Maluri Cheras, Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto ihsan Facebook DBKL)

kendalikan warga asing.

“Sebanyak 10 premis penjaja dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh DBKL malam tadi (kelmarin) kerana melanggar peraturan.

“Tindakan sitaan dan membuka struktur dilaksanakan 14 anggota penguat kuasa DBKL di Jalan Prima Setapak 2 dan Jalan

14/27B, Desa Setapak, Wangsa Maju,” katanya.

Katanya, tujuh tindakan sitaan dilaksanakan mengikut Sek 46(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 kerana halangan barangan perniagaan atas petak parkir dan jalan.

Katanya, tiga sitaan lagi dilakukan kerana membabitkan pen-

jaja warga asing.

“Siasatan dan semakan DBKL mendapati warga asing ini menyewa daripada warga tempatan dengan kadar RM25 hingga RM35 sehari bergantung kepada keluasan tapak.

“Semua barang sitaan dibawa ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Cheras,” katanya.